



**FAKTA**  
Sebanyak 14 kes  
menunjukkan  
gejala sama

OPERASI Kem Berhulu ditutup sementara sehingga siasatan selesai.

# 15 dijangkiti kencing tikus

Harian  
metro  
4/6/2015  
mls 15

■ Pelajar tingkatan lima meninggal dunia

# Kem beri kerjasama

**Pihak** pengurusan Kem Berhulu akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan untuk menjalankan siasatan kes kematian pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Teknik (SMT) Tuanku Jaafar, Ampangan, di sini, disyaki akibat jangkitan Leptospirosis atau kencing tikus ketika mengikuti perkhemahan di Kem Berhulu, Hutan Lipur Serting Ulu, Jempol pada 8 Mei lalu.

Penolong Pengurus Pu-

sat Latihan dan Rekreasinya Mohd Hanif Abd Manap berkata, pihak pengurusan Kem Berhulu mengambil keputusan menghentikan sementara operasi hingga siasatan selesai.

Mohd Hanif berkata, aspek kebersihan kawasan perkhemahan sentiasa diambil berat sejak mula beroperasi pada 2011 serta dipantau Pejabat Kesihatan Daerah Jempol dan Majlis Daerah Jempol (MDJL).

Seramai 15 pelajar Sekolah Menengah Teknik (SMT) Tuanku Jaafar, Ampangan, di sini, disyaki dijangkiti penyakit kencing tikus atau Leptospirosis selepas mengikuti perkhemahan di Kem Berhulu, Hutan Lipur Serting Ulu, Jempol pada 8 Mei lalu.

Difahamkan, mereka antara 50 pelajar sekolah berkenaan mengikuti perkhemahan itu selama dua hari.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman berkata, pelajar terbabit mengalami gejala demam, sakit kepala, sakit sendi, sakit otot dan batuk sebelum dirujuk ke klinik kesihatan pada 14 Mei hingga Jumaat lalu.

"Sebanyak 14 kes menunjukkan gejala sama dan dibenarkan pulang. Namun, seorang pelajar tingkatan lima dimasukkan Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) pada 25 Mei lalu kerana mengalami komplikasi dan kegagalan

organ utama dipercayai jangkitan Leptospirosis.

"Pelajar lelaki itu bagaimanapun disahkan meninggal dunia selepas lima hari menerima rawatan. Mangsa menunjukkan gejala demam, sakit sendi, otot, batuk dan loya pada 21 Mei lalu dan mendapatkan rawatan di klinik kesihatan sebelum dirujuk ke-HTJ hari sama," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, sampel klinikal yang diambil daripada

mangsa sudah dihantar untuk ujian makmal dan pihaknya masih menunggu keputusan sama ada kematiannya berpunca daripada Leptospirosis atau sebab lain.

Dr Lokman berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan sedang menjalankan pemantauan dengan membuka bilik gerakan wabak bermula Isnin lalu sebagai langkah kawalan dan menangani wabak berkenaan.